

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UniMAP

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FESTIVAL
KONVOKESYEN KE-6 UniMAP**

18 SEPTEMBER 2011

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP,

Yang Berbahagia Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merangkap Penasihat Jawatankuasa Perlaksana Festival Konvokesyen ke-6 UniMAP

Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Mahasiswa-mahasiswi UniMAP, wakil-wakil media dan para penaja seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair.

Terlebih dahulu syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya dapat kita bersama pada malam ini – malam terakhir Festival Konvokesyen UniMAP kali ke-6.

Alhamdulillah, sepanjang minggu ini cuaca begitu baik dan member peluang kepada warga UniMAP terutama graduan-graduan yang diraikan merayakan Konvokesyen masing-masing dengan penuh gembira.

Dan syukur juga saya panjatkan kerana semua tiga sidang konvokesyen berlangsung dengan baik dan berdoa semoga konvokesyen pada kali ini menjadi satu kenangan yang manis buat semua.

Ladies and Gentlemen and my young graduates,

It gives me a great pleasure to acknowledge the dynamic teamwork from the Students Representative Council (MPP) who are responsible in making this 6th Convocation Festival a huge success.

Allow me to also congratulate the individuals on whom the University has conferred the Degrees and Diplomas and I wish them all the success in life. Remember, individual success is not enough.

You have to be socially useful and innovative to do yourselves, your families and your country proud. I am confident that education would continue to be part of their lives as they seek to upgrade their skills, acquire new knowledge and improve their lives and standard of living.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sektor pengajian tinggi merupakan faktor kritikal dalam mentransformasi negara melalui sumbangan pengeluaran modal insan yang berkualiti. Dan untuk membina modal insan - intelektual, kreatif dan inovatif - bukanlah mudah. Satu daripada langkahnya ialah mewujudkan iklim yang kondusif untuk

pembangunan insan bersepada di pelbagai peringkat seperti sekolah, universiti dan institusi belia.

Inilah apa yang kita lakukan di UniMAP. Saya percaya program 7-i Pillars yang diwajibkan ke atas semua pelajar UniMAP sebagai syarat bergraduasi merupakan satu pendekatan terbaik untuk melahirkan generasi graduan UniMAP yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembangunan Negara. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Walaupun hanya akan meraikan ulang tahun ke-10 pada tahun hadapan, namun perjalanan selama 9 tahun ini membawa banyak kejayaan manis buat kita semua terutama pelajar UniMAP.

Terbaru pada PEKİTA 2011 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre minggu lalu, 7 produk yang dipertandingkan bagi kategori junior atau pelajar mencatatkan kejayaan 100 peratus.

Sekalung tahniah buat Anis Nabila Mohd. Zahanorin yang meraih pingat emas tunggal kategori pelajar dengan hasil penyelidikannya Green Composite. Tahniah juga buat Mohd. Azizi Ab. Malik yang meraih pingat perak melalui produknya Snatch Guard : An Innovative And Cost Performance Solution For Crime Prevention.

Manakala empat lagi produk meraih pingat gangsa hasil penyelidikan Siti Nur Hazwani Mohamad Rodzi, Asyraf Hakimi Abu Bakar, Nor Afiqah Azmi dan Aina Syafiqah Rusli.

Semoga kecemerlangan penyelidik muda ini akan diteruskan lagi dalam pertandingan lain yang akan disertai selepas ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada malam ini juga, saya ingin berkongsi satu lagi berita gembira yang membuktikan kejayaan manis pelajar UniMAP. Untuk makluman semua, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP, Saudara Aminuddin Anuar kini sedang berada di Dhimpu, Bhutan bagi menyertai Kongres Belia Asia kali-8.

Pada Kongres yang akan berlangsung mulai esok sehingga 22 September ini, Aminuddin merupakan satu-satunya belia yang akan mewakili Malaysia bersama-sama 20 lagi pemimpin belia dari Negara-negara Anggota Colombo Plan.

Pada persidangan ini, saya dimaklumkan, peserta akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang akan membantu membangunkan keperibadian peserta termasuk dari aspek komunikasi, proses membuat keputusan dan pengurusan ancaman.

Program ini dihoskan secara bersama oleh Rancangan Colombo, Agensi Kawalan Narkotik Bhutan dan Jabatan Belia dan Sukan, Bhutan. Marilah sama-sama kita berdoa semoga Aminudin akan membanggakan Malaysia dan UniMAP pada kongres itu kelak.

Sekalung tahniah sekali lagi buat seluruh jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat Festival Konvokesyen atas kejayaan menganjurkan program ini. Segala permasalahan yang timbul pada program ini diharap dapat dikenalpasti dan ditambahbaik untuk penganjuran di tahun hadapan pula.

**Mudik sampan menuju muara,
Mudik bersama pujaan hati,
Graduan Berkualiti Harapan Negara,
Memacu Negara Memartabatkan Universiti.**

Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menutup secara rasminya Festival Konvokesyen ke-6 UniMAP. Jumpa lagi di tahun hadapan.

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu.